

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN (NEGERI)

TARIKH: 05 NOVEMBER 2019

MUKA SURAT: 37

284 individu terima darjah kebesaran Melaka



Mohd Khalil (kanan) mengurniakan Darjah Pangkuan Seri Melaka (DPSM) yang membawa gelaran Datuk kepada Pengarah Urusan Fleet International Holdings Sdn Bhd, Datuk Teo Tong Wah pada Istiadat Penganugerahan Darjah, Bintang dan Pingat Kebesaran Negeri Melaka semalam.

MELAKA - Seramai 284 individu menerima Darjah, Bintang dan Pingat Kebesaran Negeri Melaka 2019 sesi ketiga Sempena Hari Jadi Ke-81 Yang Dipertua Negeri Melaka, Tun Dr Mohd Khalil Yaakob di Balai Istiadat, Seri Negeri, Ayer Keroh di sini semalam.

Ketua Setiausaha Kerajaan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Datuk Seri Mohammad Mentek mendahului senarai penerima dengan anugerah Darjah Gemilang Seri Melaka (DGSM) yang membawa gelaran Datuk Seri.

Seramai tiga orang menerima Darjah Cemerlang Seri Melaka (DCSM) yang membawa gelaran Datuk Wira iaitu Pengarah Urusan RDA Group, Datuk Chang Kok Chuang dan Ahli Lembaga Pengarah Besformec Industries Sdn Bhd, Datuk Low Chew Ping.

Sementara itu, Pengerusi Bukan Eksekutif Grand Esplanade Sdn Bhd, Datuk Mokhtar Haron

menerima Anugerah Darjah Mulia Seri Melaka (DMSM) yang membawa kepada gelaran Datuk.

Seramai 55 individu menerima Darjah Pangkuan Seri Melaka (DPSM) yang membawa gelaran Datuk antara penerimanya ialah Naib Canselor Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM), Datuk Prof Dr Md Radzai Said; Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Datuk Zohari Said serta Timbalan Pengarah Kanan Bahagian Penyelidikan, Perancangan dan Dasar Jabatan Perkhidmatan Awam, Datuk Hisamuddin Mohd Sujak.

Dalam pada itu, seramai 19 orang menerima pingat Darjah Seri Melaka (DSM), Bintang Cemerlang Melaka (BCM) 19 orang, Bintang Khidmat Terpuji (BKT) turut diterima seramai 62 orang, Pingat Jasa Kebaktian (PJK) 48 orang, Pingat Bakti Masyarakat (PBM) 72 dan Pingat Khidmat Lama (PKL) lima orang.

- Bernama